

05/06/2001

Kayveas sedih peletakan jawatan Daim

KUALA LUMPUR, Isnin - Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Senator Datuk M Kayveas, sedih dengan peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, berkata PPP menaruh harapan tinggi bahawa Daim akan meneruskan gandingan mantap membangunkan ekonomi negara dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sekurang-kurangnya sehingga pilihan raya umum akan datang.

"Perdana Menteri kini menghadapi tugas yang amat sulit mencari pengganti yang cukup berpengalaman, cekap dan berwibawa seperti Daim untuk memastikan kesinambungan proses pemulihan ekonomi negara tidak terbantut.

"Pada masa yang sama, calon yang bakal menggantikannya harus dapat bekerjasama dengan Dr Mahathir bagi merangka agenda baru untuk terus merencanakan kegiatan ekonomi negara.

"Hakikatnya, formula pemulihan ekonomi gandingan Dr Mahathir-Daim yang berjaya mengimbangi kestabilan ekonomi negara ketika zaman krisis perlu dipastikan tidak tergugat," katanya dalam sidang akhbar sebelum mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi PPP di sini, hari ini.

Menurut Kayveas, kerajaan serta rakyat akan sentiasa memperingati jasa serta sumbangan Daim dalam mengatasi kemelesetan ekonomi negara.

(END)